



**KENYATAAN MEDIA
KEMATIAN PERTAMA AKIBAT COVID-19
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

28 Mac 2020

1. Pada hari ini, 03 Syaaban 1441 bersamaan 28 Mac 2020, dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'ala dan dengan rasa dukacita, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai kes pertama yang telah kembali ke rahmatullah akibat COVID-19 di negara ini.
2. Allahyarham ialah seorang lelaki tempatan berumur 64 tahun yang merupakan kes ke 25 COVID-19 di Negara Brunei Darussalam. Allahyarham telah kembali ke rahmatullah di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada hari Jumaat, 27 Mac 2020 pada jam 8.20 malam. Allahyarham telah menjalani rawatan di Pusat tersebut sejak disahkan dijangkiti COVID-19 pada 12 Mac 2020 selepas pulang dari Kuala Lumpur dan Cambodia pada 4 Mac 2020. Allahyarham telah mula mengalami tanda-tanda jangkitan pada 8 Mac 2020 dan telah dimasukkan ke Unit Rawatan Intensif di Pusat berkenaan pada 16 Mac 2020.
3. Sehubungan dengan ini, demi menjaga dan menghormati privasi serta *confidentiality* keluarga Allahyarham, Kementerian Kesihatan tidak akan mengongsikan butiran peribadi Allahyarham. Orang ramai juga

dipohonkan untuk sama-sama menghormati dan tidak menyebarkan maklumat-maklumat berkaitan dengan Allahyarham.

4. Di kesempatan ini, saya mewakili warga Kementerian Kesihatan dan keseluruhan rakyat Negara Brunei Darussalam mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham dan berdoa semoga rohnya dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama-sama para sellehin. Al-Fatihah

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 03 Syaaban 1441H / 28 Mac 2020